

# Hati ibarat enjin keimanan insan

UB 12.2.2014 BC



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

DALAM meniti kehidupan di muka bumi ini, kita akan lihat seribu satu ragam kehidupan manusia. Ragam-ragam yang dipamerkan sebenarnya mencerminkan keperibadian yang dimilikinya. Meskipun ada pepatah mengatakan apa yang ditunjukkan di permukaan tidak sama seperti yang ada didalam diri, namun pepatah tersebut boleh diragui. Hal ini disebabkan realiti hidup sebegini, apa yang ditonjolkan oleh pelakunya itulah yang ada dalam dirinya. Justeru itu adalah sukar untuk membezakan antara apa yang dipamerkan di luaran tidak sama seperti yang di dalam dirinya. Justeru itu sebagai hambaNya kita perlu akur dengan apa yang telah ditetapkan di dalam agama. Setiap agama memerlukan penganutnya mempunyai disiplin, perwatakan baik, dan tidak merosakkan nilai-nilai murni. Justeru itu pokok pangkalnya adalah manusia itu sendiri yang memilih samada untuk menjadi seorang yang baik atau sebaliknya. Lantaran itu apa juga yang hendak anda lakukan hari ini, fikirilah bagaimana hendak melakukannya dengan cara yang terbaik. Hidup yang terbaik adalah hasil-hasil daripada hari-hari yang terbaik sebelumnya. Hal ini disebabkan pemberian tersebut merupakan nikmat yang Allah anugerahkan kepada insan terpilih untuk melakukannya dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Dunia mengalami pelbagai perubahan dari sudut bahasa, gaya hidup, pemikiran, falsafah dan lain-lain. Teknologi telah dihasilkan oleh manusia dan manusia mengagihkan teknologi untuk digunapakai mengikut keperluan. Dalam semua perkara tidak ada manusia yang boleh memaksa manusia lain untuk mengikut kehendaknya walaupun anak-anaknya sendiri mahupun pasangannya. Apatah lagi masyarakat di luar sana. Namun manusia perlu bersedia untuk menerima apa jua perubahan walaupun tidak menyenangkan kerana tidak secukup dengan perubahan zaman. Lantaran itu sebagai manusia yang sentiasa ada batasan dalam melakukan pelbagai perkara adalah lebih baik mempersiapkan diri untuk kehidupan yang lebih memberi makna kepada diri. Hal ini disebabkan hanya diri sendiri yang mengerti tentang apa yang

ada dalam dirinya, apa yang dimahukan, mahupun apa yang difikirkan. Adalah lebih murni sekiranya setiap detik kita sentiasa membuat

muhasabah diri untuk membentuk jiwa yang bersih kerana dengan cara tersebut dapat melahirkan kerja yang berkualiti. Begitu juga dalam pergaulan seharian kerana jiwa yang tulus akan sentiasa memikirkan manfaat untuk orang lain walaupun kesukaran yang bakal dihadapi. Namun di atas keyakinan kepada Allah dalam setiap aktiviti yang ingin dilakukan, maka sudah tentu setiap halangan hanyalah menjadi cabaran yang menarik untuk dilalui. Oleh sebab itu sebagai hambaNya perlu menyedari kelemahan diri masing-masing.

Apatah lagi jiwa manusia adalah bekas (tempat) menerima sesuatu samaada fujur (kejahatan) atau takwa (kebaikan). Rasulullah SAW pernah bersabda maksudnya: "Sungguhnya di dalam tubuh ada segumpal darah. Jika segumpal darah tersebut baik maka akan baik pulalah seluruh tubuhnya, adapun jika segumpal darah tersebut rosak maka akan rosak pulalah seluruh tubuhnya, ketahuilah segumpal darah tersebut adalah hati." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hati (jiwa) adalah konduktor yang menggerakkan tubuh untuk melakukan perbuatan-perbuatannya, jika hati tersebut adalah hati bersih (baik) maka seluruh tubuhnya akan tergerak untuk mengerjakan hal-hal yang baik, adapun jika hatinya adalah kotor (buruk) amat dibenci oleh Allah SWT. Maka tentunya juga akan membawa tubuh melakukan hal-hal yang buruk. Hati adalah perkara utama untuk memperbaiki akhlak manusia. Jika seseorang ingin memperbaiki dirinya maka hendaklah ia memperbaiki dahulu hatinya. Keadaan ini tidak dapat dizahirkan melalui perkataan yang dikeluarkan dari bibir kerana kebiasanya ia akan ditonjolkan melalui tingkahlaku yang tidak disengajakan.

Walau bagaimanapun ada juga pepatah mengatakan kebanyakan penyakit adalah berpunca daripada minda yang negatif. Minda dan hati adalah saling berkaitan kerana hati adalah jiwa dan minda pula adalah tempat untuk memikirkan samada perkara baik ataupun buruk. Justeru itu ketika hati bersih maka Nur (cahaya) Ilahi akan meneranginya. Oleh kerana itu setiap manusia perlu membersihkan dan

menjaga hati daripada sifat-sifat yang keji dan tercela, sebaliknya menghias diri dengan akhlak yang terpuji. Orang mukmin akan menjaga hatinya supaya jangan terlintas sesuatu yang boleh mendatangkan dosa seperti hasad dengki, iri hati, sombong dan takbur. Penyakit-penyakit hati yang lain adalah seperti sifat tamak haloba kepada harta dunia, tidak mahu orang lain lebih bahagia, cintakan dunia semata-mata, suka marah dan berprasangka buruk kepada orang lain, gilakan pangkat dan status semata-mata, menabur fitnah, riak, berdendam bahkan sanggup menyimpan hasad dengki di antara sesama saudara dan sebagainya yang boleh meluntur cahaya di wajahnya. Bukan setakat nur (seri) yang hilang dari wajahnya tetapi juga akan dihinggapi dengan pelbagai penyakit kerohanian seperti was-was dalam melakukan sebarang perkara, tidak jujur dalam bekerja dan sebagainya. Justeru itu sekiranya dalaman diri kita indah dan suci, nescaya akan dipancarkan pada wajah. Oleh yang demikian marilah kita bersama-sama memperbaiki akhlak yang baik, yang akan mengiasi perbuatan dan percakapan kita. Tidak keluar sesuatu daripada mulut anda melainkan yang baik dan bermanfaat untuk orang lain dan tidak ada perbuatan dan amalan anda melainkan amal soleh, amal kebaikan dan amal yang mendekatkan diri anda kepada Tuhan.

Justeru itu itu berbuat baik, beribadah, menjaga hubungan dengan Tuhan, berjuang untuk kehidupan anda, tidak mudah mengeluh, menghindari berbuat kejahatan, tidak mengamalkan sifat buruk seperti iri, dengki, tamak, suka marah-marah, dan sebagainya. Semua hal ini akan membuat jiwa anda sihat, energi positif akan terpancar secara automatik, kehidupan anda menjadi tenang dan hubungan sosial anda akan menjadi lebih baik.

Energi positif akan terpancar keluar dan mengikat energi-energi lain yang saling bersinergi, dengan energi positif anda maka anda boleh membantu orang lain secara tidak langsung, orang lain akan merasakan jiwa positif anda dan akan ingin mengikuti jejak anda untuk menjadi lebih baik dalam kehidupan anda. Justeru itu jadilah diri yang boleh memanfaatkan orang lain. Semoga dengan cara tersebut dapat meningkatkan potensi diri ke arah yang lebih baik dalam hidup anda.

**\*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS**